

UTUSAN MALAYSIA 15/05/2015

Peluang sambung pengajian pascasiswazah di UniSZA

KUALA TERENGGANU 14 Mei - Pusat Pengajian Siswazah (PPS) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di sini buat julung kalinya menawarkan peluang menyambung pengajian di peringkat pascasiswazah kepada seluruh lapisan masyarakat.

Timbalan Naib Canselor (Aka-demik dan Antarabangsa) UniSZA, Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad memberitahu, peluang ini dibuka sempena penganjuran program Minggu PPS 2015 yang akan diadakan di Kampus Gong Badak ber-

mula 17 hingga 20 Mei ini.

Katanya, mereka yang berminat melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dan PhD boleh terus memohon secara dalam talian di booth fakulti atau institut penyelidikan berkaitan sesuai dengan bidang pengajian masing-masing.

"Bakal pelajar perlu membawa salinan ijazah yang disahkan. Bagi calon yang berjaya, surat tawaran kemasukan akan terus dikeluarkan pada masa itu juga.

"Sepanjang Minggu PPS ini, ba-

nyaran bagi proses permohonan sebanyak RM25 dimansuhkan sesuai dengan UniSZA sebagai universiti komuniti," ujarnya dalam satu kenyataan.

Beliau menjelaskan, calon yang mempunyai pengalaman kerja sekurang kurangnya lima tahun dalam bidang berkaitan tetapi mempunyai Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) kurang daripada kelayakan minimum boleh dipertimbangkan untuk kemasukan ke program Sarjana secara penyelidikan atau kerja kursus.